



AZIMAH GHAZALI

Pesta Bahasa Antarabangsa

Penuntut UPM berpeluang belajar bahasa, budaya dan tradisi negara luar

Memberi peluang kepada siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mempelajari bahasa asing, pihak Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, menganjurkan program *Foreign Language Fiesta* pada setiap tahun.

Penyelaras Program *Foreign Language Fiesta* yang juga Pensyarah Kanan (Bahasa Sepanyol) UPM, Dr Nor Shahila Mansor berkata, peserta turut diberi peluang mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan budaya bahasa yang dipelajari.

"Kepentingan mempelajari bahasa asing supaya mahasiswa lebih berdaya saing. Faham mengenai budaya luar akan membuatkan mereka lebih berpengetahuan, matang dan kompetitif.

"Apabila siswa boleh menguasai bahasa asing, mereka ada *extra point* berbanding dengan penuntut lain yang hanya boleh menguasai bahasa Inggeris. Jadi peluang pekerjaan akan lebih luas, bukan sahaja di dalam negara, bahkan di luar negara dengan syarikat gergasi antarabangsa," katanya kepada *Kampus* sempena program yang berlangsung empat hari itu, baru-baru ini.

Menurutnya, program tersebut menarik minat ramai penuntut yang mengambil kursus bahasa asing di

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, termasuklah siswa dari luar negara, berjumlah lebih 20 orang, terdiri daripada penuntut dari China, Mauritius, Saudi Arabia, dan Jordan.

Penuntut dari fakulti lain juga terlibat - menyediakan pelbagai aktiviti seperti tayangan filem-filem antarabangsa, pendedahan aktiviti untuk ilmu *soft skills* dan *hard skills*.

Aktiviti lain yang diadakan termasuklah pertandingan karaoke. Lagu-lagu dipertandingkan adalah dalam setiap bahasa asing seperti bahasa Perancis, Jepun, Sepanyol, Korea, dan Jerman.

Selain itu ada juga demo masakan dari pelbagai negara seperti Korea, Jepun, Cina, Perancis dan Jerman.

Pertandingan memperagakan busana tradisional negara masing-masing seperti India, Jepun, Perancis dan Korea turut diadakan.

Ada juga pertandingan



Pertunjukan busana pelbagai negara.



Antara hasil kreatif peserta.



Penerapan imej memaparkan budaya.



Antara 'kolam' dihasilkan.



merekacipta 'kolam' - di mana peserta diminta melukis kolam dengan tema berkaitan bahasa dan budaya asing yang dipelajari.

Ada lapan bahasa asing terlibat dengan pertandingan kolam iaitu Sepanyol, Perancis, Korea, Jepun, Arab, Tamil, Jerman dan Cina.



Dr Shahila (kiri) bersama Setiausaha Program, Dr Chin Mooi San.



Bertungkus-lumus hasilkan lukisan.



Peluang penuntut antarabangsa UPM berkumpul.



Ceria ketika membuat kuih tradisional.